



SKIM PERKHIDMATAN : PEGAWAI TEKNOLOGI MAKANAN
KUMPULAN PERKHIDMATAN : PENGURUSAN DAN PROFESIONAL
GRED : C9
TARAF JAWATAN : KONTRAK (CONTRACT FOR SERVICE)
KEMENTERIAN / JABATAN : PERKHIDMATAN AWAM NEGERI KELANTAN

SYARAT LANTIKAN WAJIB

1. Warganegara Malaysia
2. Berumur tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.

SYARAT LANTIKAN

KELAYAKAN LANTIKAN KE GRED C9:

Kelayakan Masuk : Ijazah Sarjana Muda Sains dengan Kepujian
Bidang/Kelayakan Khusus : Ijazah Sarjana Muda Sains dengan kepujian dalam bidang Sains Makanan, Sains dan Teknologi Makanan, Pengurusan Kualiti Makanan atau bidang berkaitan atau Ijazah Sarjana Muda Sains Makanan dengan Kepujian atau Ijazah Sarjana Muda Teknologi Makanan dengan Kepujian yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

Gaji Permulaan : **C41 : RM 2,580.00**

DAN

Syarat Bahasa Melayu : Kepujian di peringkat SPM/SVM

DAN

Bidang Kelayakan Akademik : Sains Makanan

RINGKASAN TUGAS

Bertanggungjawab sebagai perancang Program Keselamatan dan Kualiti Makanan Negara. Menerajui bidang dalam keselamatan makanan seperti Hazard Analysis and Critical Control Points (HACCP), ISO 9000, risk analysis, predictive microbiology, bioteknologi termasuk genetic engineering. Di peringkat antarabangsa, pegawai memberi sumbangan teknikal bagi merealisasikan hasrat negara untuk menjadi pemimpin dan menerajui dalam menangani isu keselamatan makanan yang dibincangkan di mesyuarat Codex, SPS, APEC dan ASEAN, melindungi kepentingan negara dan mempromosikan Program Keselamatan dan Kualiti Makanan Negara. Turut bertanggungjawab menjalankan tugas-tugas pensijilan halal termasuk bahagian permohonan, pemeriksaan dan pemantauan dari aspek-aspek teknikal, kebersihan dan sanitasi, memastikan keselamatan makanan, menjalankan penyelidikan dan menyelaras latihan.